

SELIA HULUR BANTUAN KEPADA SK TUN SYED AHMAD SHAHABUDIN

Bertempat di Sekolah Kebangsaan Tun Syed Ahmad Shahabudin, SELIA Selenggara Selatan iaitu anak syarikat SELIA Group telah melebarkan lagi aktiviti CSR mereka apabila turut serta di dalam program penyampaian bantuan kepada sekolah tersebut pada 30 April 2013. Pada majlis itu, SSS yang diwakili oleh Pengurus Wilayah Melaka. En Zulhilmi Kamarludin telah menyerahkan bantuan berjumlah RM4000 kepada YAB Ketua Menteri Melaka.



SR ARAB JAIM TUN RAZAK BUKIT KATIL TERIMA SUMBANGAN DARI SELIA

Manalaka di Sekolah Rendah Arab JAIM Tun Razak Bukit Katil pula, Tuan Haji Husney, COO Selia Selenggara Selatan telah menyampaikan bantuan CSR dari SELIA Group yang berjumlah RM6940 kepada sekolah tersebut. Sumbangan adalah berupa 2 unit penghawa dingin, majalah untuk perpustakaan serta wang tunai RM1000 kepada tabung PIBG. Bantuan telah disampaikan kepada YBhg En Saari Rahudin, Guru Besar sekolah tersebut di dalam satu majlis ringkas pada 17 May 2013.

